

TALKING POINT
BRIG JEN DATO PROF DR KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PENDIDIKAN
KEJURULATIHAN BERTERUSAN ZON UTARA
PADA 17 OGOS 2009 DI SRI GARDEN HOTEL

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Dr. Ahmad Munir Che Mohamed, Pengerusi
Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan Majlis Sukan Negara

Yang Berusaha Encik Mohammad Azahari bin Ramli,
Pengarah Majlis Sukan Negeri Perlis

Yang Berusaha Encik Afizal Abu Othman, Pengarah Pusat
Sukan UniMAP

Barisan Penceramah dari Majlis Sukan Negara

Pegawai-Pegawai dan Staf Pusat Sukan UniMAP, Jurulatih-
Jurulatih Pelapis Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Jurulatih-
Jurulatih UniMAP

Wakil-Wakil Media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur saya panjatkan kepada Allah SWT kerana terus memberikan saya peluang untuk menghadiri majlis pada pagi ini sekali gus berkumpul bersama-sama pakar dalam bidang Sains Sukan.
2. Semoga usaha penganjur – Majlis Sukan Negara dan Pusat Sukan UniMAP dalam menganjurkan majlis ini mampu mencapai matlamat yang ditetapkan.
3. Saya dimaklumkan, penganjuran program ini adalah kali pertama dianjurkan di Zon Utara dan ianya khusus untuk meningkatkan kualiti kejurulatihan di Malaysia amnya dan UniMAP khasnya melalui penyebaran maklumat terkini berkaitan Sains Kejurulatihan terutamanya penekanan aspek praktikal.
4. Lebih bermakna lagi apabila program ini dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga-tenaga pakar yang mempunyai kelayakan khusus dalam bidang Sains Kejurulatihan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Setiap agama di dunia ini amat menitikberatkan kesejahteraan manusia termasuklah dalam menentukan gaya hidup sihat. Gaya hidup sihat berkait rapat dengan kesihatan jasmani dan rohani seseorang individu tidak kiralah seorang atlit mahupun pegawai.
6. Gabungan kesihatan fizikal dan kerohanian akan menentukan prestasi pekerjaan dan tempoh hayat seseorang. Dengan demikian, kesihatan menjadi harta yang amat bernilai dalam kehidupan seseorang.
7. Dalam kita membicarakan mengenai fizikal dan kerohanian, secara tidak langsung sebenarnya ia berkait rapat dengan bidang Sains Sukan yang turut merangkumi bidang pemakanan.
8. Dan sesungguhnya saya amat tertarik apabila diberitahu mengenai tajuk-tajuk yang akan dibincangkan pada kursus kali ini iaitu :
 - Fisiologi Latihan (*Physiology of training*)
 - Pemakanan Sukan (*Sport Nutrition*)
 - Psikologi Sukan (*Sport Psychology*)

- Kecederaan dan rehabilitasi sukan (*Sport injury and rehabilitation*)
- Prinsip dan Kaedah Kejurulatihan (*Principles and Methodology of Coaching*)

9. Besarlah harapan saya agar di akhir kursus ini kelak, para peserta terutamanya daripada Universiti Malaysia Perlis sendiri dapat meningkatkan kefahaman Sains Kejurulatihan melalui penyebaran maklumat terkini dan pada masa yang sama, dapat mengaplikasikan maklumat ke dalam program latihan yang dilaksanakan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Sememangnya UniMAP dan Sukan tidak dapat dipisahkan – ibarat irama dan lagu saling memerlukan. Saya sesungguhnya berbangga dengan pencapaian yang telah dikecapi oleh UniMAP dalam bidang sukan terutama apabila berjaya muncul johan Sukan Staf IPTA Malaysia selama dua tahun berturut-turut baru-baru ini.

11. Meskipun UniMAP masih dalam kategori Universiti “hijau” yakni berusia kurang dari 10 tahun, tetapi kita mampu menewaskan universiti-universiti lain yang ada di Malaysia.

12. Saya percaya kejayaan ini tidak mudah untuk dikecapi – ibarat kata pepatah, yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang. Namun, disebalik semua kesukaran, saya beruntung kerana dikurniakan staf-staf yang komited dalam bidang kerja masing-masing dan pada masa sama turut turun padang untuk berlatih agar cemerlang dalam bidang sukan.

13. Membicarakan sedikit mengenai kejayaan utama UniMAP dalam bidang sukan :

- Tempat keempat Kejohanan Sukan Badan Berkanun (Ranking pertama daripada senarai IPTA). Johan bagi acara bolasepak dan futsal veteran, 3 perak dan 2 gangsa.
- Juara Kejohanan Sukan Staf Antara IPTA (SUKUM ke-34) di UMT – 30 pingat emas (Olahraga menyumbangkan 19 emas, 12 perak dan 4 gangsa)
- Johan Karnival Sepak Takraw Kebangsaan UiTM / KPT 2009
- Johan Divisyen 1 Liga Bolasepak Perlis 2009.

14. Di sebalik kejayaan yang saya sebutkan di sini, UniMAP turut muncul johan, naib johan atau pemenang tempat ketiga dalam pelbagai kejohanan terbuka /

tertutup yang dianjurkan di seluruh Malaysia dalam pelbagai acara seperti bola tampar, golf, boling, badminton dan olahraga.

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Majlis Sukan Negara yang telah sudi memilih UniMAP sebagai rakan perkongsian dalam menganjurkan kursus Kejurulatihan Sains Sukan ini.
16. Terima kasih juga kepada semua jawatankuasa yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kejayaan dan kelangsungan majlis kita pagi ini. Sesungguhnya usaha dan jasa anda ini amat saya hargai.
17. Kepada para peserta, manfaatkan sebaik mungkin ilmu yang akan anda perolehi. Selamat Maju Jaya.
- 18.** Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **PROGRAM PENDIDIKAN KEJURULATIHAN BERTERUSAN ZON UTARA.**

Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.